

06 JUL 1998

Mahathir-Temu Bual

NEGARA-NEGARA ISLAM TIDAK HARUS ASINGKAN DIRI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Negara-negara Islam tidak harus mengasingkan diri mereka tetapi sebaliknya mesti menyatukan diri dengan dunia jika tidak mahu ketinggalan, kata Dr Mahathir Mohamad.

"Tidak lagi mungkin untuk mengasingkan diri dengan apa cara pun. Kita perlu bersatu, kita mesti memajukan diri ke tahap yang sama daripada segi sains, teknologi dan industri," kata beliau dalam temu bual dengan Dr Nazir Khaja, pengerusi Perkhidmatan Penerangan Islam yang berpangkalan di California, Amerika dan temubual itu disiarkan melalui TV2 sempena sambutan Maulidur Rasul.

Seorang pegawai kepada Perdana Menteri berkata, temu bual itu berlangsung awal tahun ini dan disiarkan di Amerika Syarikat, pada Februari lepas.

Semasa temu bual selama sejam itu, Dr Mahathir juga ditanya sama ada beliau akan terus menerajui negara selepas pemilihan parti 1999 dan hubungan beliau dengan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Belum lagi masa untuk memutuskannya. Saya perlu teliti dahulu dan adalah tidak wajar melepaskan pucuk pimpinan negara semasa negara menghadapi masalah," kata Dr Mahathir merujuk kepada kegawatan ekonomi sekarang ini.

Mengenai laporan Media Barat yang terdapat perbezaan pendapat yang serius antara beliau dan Anwar, Dr Mahathir berkata tiada dua orang di dunia ini yang betul-betul sama.

"Saya tidak menjangka timbalan saya betul-betul sama seperti saya. Perbezaan pendapat itu kecil dan kita boleh bekerja tanpa masalah," katanya.

Mengenai pendapat yang Islam membawa kemunduran, Dr Mahathir berkata adalah perlu untuk melangkah ke belakang tetapi bukan hingga lebih seribu tahun lepas.

"Kembali semula kepada pengajaran Nabi. Lihat bagaimana ia telah memengaruhi penduduk Arab yang jahil sehingga wujudnya tamadun terkemuka.

"Jadi kembalilah kepada pengajaran mengenai dan bagaimana melindungi diri anda. Tetapi kita lebih menekankan kepada pendekatan berbanding apa yang dikatakan dahulu," dan umat Islam hari ini tidak boleh mempertahankan diri dengan kuda dan pedang seperti yang terdapat di Quran.

Ditanya mengenai kekeliruan masa kini di kalangan ummah, Dr Mahathir berkata ia bermakna tanggungjawab kebebasan tidak difahami sepenuhnya.

"Kita hanya mempunyai kebebasan jika kita bertanggungjawab. Anda tidak boleh bebas sepenuhnya dan tidak bertanggungjawab, ini menyebabkan masyarakat tidak lagi stabil," katanya.

Dr Mahathir juga berkata bahawa demokrasi bersesuaian dengan Islam dan ia bermakna kebajikan majoriti dan walaupun individu mempunyai hak masing-masing, mereka tidak boleh mengenyahkan hak masyarakat.

"Individu harus mengaku kehendak majoriti. Jika kehendak majoriti diketepikan oleh individu, maka kestabilan tidak dapat diwujudkan dalam masyarakat," kata beliau.

Mengenai cara mentadbirkan kerajaan mengikut Islam, Dr Mahathir berkata yang paling penting ialah menghormati keputusan yang dibuat oleh majoriti dan kerajaan yang dipilih hendaklah dibenar memerintah untuk tempoh yang dibenarkan oleh perlembagaan.

Tetapi apa yang sering berlaku ialah tiada kerajaan dibenar memerintah mengikut tempoh penuh dan sebaliknya percubaan dilakukan untuk mengugat

masyarakat seperti tunjuk perasaan di jalan supaya kerajaan mendapati sukar untuk memerintah, kata beliau.

Mengenai kritikan terhadap kebanyakan negara Islam kerana dikatakan mencabuli hak asasi manusia, Dr Mahathir berkata beliau tidak bersetuju dengan kecenderungan untuk mengaitkan umat Islam dengan pencabulan hak asasi manusia di negara Islam dan juga negara bukan Islam.

Mengenai Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia negara maju, Dr Mahathir berkata banyak usaha perlu dijalankan dan Malaysia masih jauh daripada mencapai matlamat itu.

" Justeru itu, kita perlu bergerak dengan pantas supaya mencapai matlamat itu lebih cepat daripada mereka yang mendahului kita," kata beliau.

Beliau juga berkata Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada dasarnya telah berjaya membawa orang Melayu ke taraf sama dengan bukan Bumiputera dan sekarang ialah masa bagi seluruh masyarakat, Islam dan bukan Islam untuk bergerak ke hadapan.

"Saya berpendapat kita berada di landasan yang betul. Tetapi sudah tentu ada elemen lain dalam masyarakat yang mungkin menjadi penghalang kepada kejayaan kita," kata beliau.

-- BERNAMA

RV TCL FAZ